

Ai



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 12

JUN 2024

# BULETIN APB

e-ISSN: 2682-7948

*Social Media  
in Teaching and Learning*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# *Pengajaran dan Pembelajaran di Tiktok Satu Pembaharuan*

**MOHAMAD FIRDAUS AHMAD & NUR SYAZWANI ZULAIKHA SAFWAN**  
**UiTM KAMPUS SEREMBAN**

Era digital semakin berkembang pesat pada tahun 2024 apabila media sosial membawa transformasi kepada pelbagai aspek kehidupan. Berdasarkan trend penggunaan sosial media di Malaysia, sebanyak 86% penduduk menggunakan media sosial pada Januari 2021 berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 52% sahaja (Digital Business Lab, 2021). Peningkatan ini jelas menunjukkan peralihan minat rakyat Malaysia daripada menggunakan saluran media tradisional seperti radio dan televisyen untuk mendapatkan informasi terkini. Kebanyakan penduduk Malaysia kini menggunakan internet setiap hari untuk membaca berita, menonton video, dan berinteraksi dengan rakan-rakan melalui media sosial. Terdapat banyak bidang di Malaysia yang menggunakan ruang dan peluang melalui media sosial dalam mempromosikan informasi dan aktiviti yang dijalankan. Bidang pendidikan juga tidak terkecuali apabila ramai individu termasuk tenaga pengajar di peringkat sekolah memanfaatkan peluang yang ada dengan menggunakan media sosial bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP).



Rakyat Malaysia gemar menggunakan platform media sosial seperti aplikasi WhatsApp, Facebook, TikTok, Instagram dan X. Dellato (2021) melaporkan, platform media sosial seperti TikTok berjaya mencapai 1 bilion pengguna aktif bulanan beberapa tahun lebih awal berbanding Facebook dan Instagram. Perkara ini telah menjadikan TikTok sebagai salah satu platform media sosial yang paling banyak digunakan dan berkembang dengan maju di Malaysia. Oleh kerana TikTok menjadi platform utama media sosial, banyak pihak mengambil peluang ini untuk menjalankan

perniagaan, menyediakan kandungan berbentuk hiburan, menyampaikan berita terkini malahan penyampaian ilmu pelbagai bidang turut diketengahkan.

Penulis melihat perkara sebegini banyak memberi kebaikan sekiranya platform TikTok digunakan dengan betul. Mengambil contoh dalam bidang pendidikan, terdapat beberapa pengengaruh seperti Cikgu Asai, Cikgu Fathi Hussein dan Zack Kirana yang sering memuat naik kandungan ilmiah berkualiti yang memberi kesan positif kepada golongan generasi Z. Kandungan yang dimuat naik ke TikTok sering mendapat tontonan yang tinggi, rata-ratanya daripada golongan generasi Z, menunjukkan minat mereka untuk belajar mengenai kandungan ilmu yang telah dikongsi. Di alam universiti ketika ini telah pun dipenuhi oleh pelajar daripada golongan generasi Z. Generasi ini adalah berbeza dengan generasi sebelumnya kerana mereka lebih terdedah kepada kemajuan teknologi selari dengan Revolusi Industri 4.0.

Menurut pandangan peribadi penulis, perkara sebegini boleh dijadikan sebagai sumber idea dan contoh kepada tenaga pengajar di peringkat universiti untuk menggunakan platform media sosial, terutamanya TikTok dalam PdP kepada para pelajar. Selari dengan kecanggihan teknologi sedia ada, pensyarah boleh menggunakan TikTok dalam menyediakan kandungan berkaitan PdP kerana aplikasi ini dilengkapi dengan akses menyunting kandungan yang menarik. Kesan daripada penggunaan TikTok oleh pensyarah kepada pelajar ini bukan sahaja menjadikan proses PdP berbeza daripada sebelumnya, bahkan memberi peluang kepada orang awam untuk turut serta dalam menimba ilmu yang telah dikongsikan.



Menurut Khalid et al. (2023), generasi Z menggunakan TikTok bukan sekadar untuk mengisimasa bahkan juga digunakan sebagai salah satu sumber maklumat utama dalam pelbagai perkara. Penulis merasakan adalah tidak salah mencuba cara baharu menggunakan Tiktok untuk proses PdP bagi menyesuaikan dengan budaya dan minat anak muda generasi Z ketika ini. PdP menggunakan gabungan teknik lama dan baharu boleh memberi kesan yang lebih baik daripada segi kefahaman pelajar terhadap sesuatu kursus atau subjek yang dipelajari. Selagi mana perkara ini tidak dicuba, maka kesannya tidak dapat diukur dan diketahui.



Kesimpulannya, ramai tenaga pengajar di peringkat sekolah rendah dan menengah menggunakan Tiktok sebagai medium untuk PdP. Kini, sudah tiba masanya para pensyarah di peringkat pengajian tinggi untuk membuat anjakan paradigma dalam pelaksanaan PdP mengikut perkembangan era digital dengan menggunakan media sosial terutamanya platform Tiktok untuk memenangi hati generasi Z. Umpama peribahasa, "lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang" yang membawa maksud perbezaan pendekatan yang berubah mengikut peredaran masa, perlu untuk difahami dan diikuti para pensyarah bagi memastikan penyampaian ilmu yang diketengahkan dan disampaikan kepada pelajar kekal relevan diterima dengan baik secara sepenuhnya.

#### Rujukan

- Dellato, M.D. (2021). TikTok hits 1 billion monthly active users. Forbes. [Dellato, M.D. \(2021\). TikTok hits 1 billion monthly active users. Forbes.](#)
- Digital Business Lab (2021). Social Penetration in Malaysia (Research). [Dellato, M.D. \(2021\). TikTok hits 1 billion monthly active users. Forbes.](#)
- Khalid, J. K., Adnan, W. H., & Mohamed, S. (2023). The Use of TikTok Social Media in Influencing Generation Z Online Purchasing Behaviour in Malaysia. *Management Research Journal*, 12(2), 40-52. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol12.2.4.2023>